

UNSUR *AL-TA^cRIF* LAFAZ *AL-YAMM* DAN KESERASIAN PERKATAAN DALAM *AL-QUR'AN*

The Element of Al-Ta^crif In Word Al-Yamm And Word Compatibility In Qur'an

Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli, Md. Nor Bin Abdullah, Suhaila Binti Zailani@Ahmad
rose_mujahid@yahoo.com.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Laut merupakan satu daripada bukti kebesaran Allah. Ia mengandungi pelbagai khazanah alam dan kehidupan air yang menjadi limpahan rezeki kepada sekalian makhluk. Dalam al-Qur'an, terdapat dua perkataan menerangkan tentang laut iaitu *al-yamm* dan *al-bahr*. Ia berbeza antara satu sama lain dari sudut penggunaannya dalam konteks ayat al-Qur'an. Kajian tentang lafaz *al-yamm* telah dirungkaikan oleh kebanyakan pengkaji silam dan terkini. Ia menjurus kepada aspek bahasa, semantik, pengkisahan, terminologi dan tafsiran al-Qur'an. Aspek penggunaan *al-ta^crif* pada lafaz *al-yamm* dari sudut *nazm* dan *ma^cani* dalam ayat al-Qur'an kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti penggunaan *al-ta^crif* pada lafaz *al-yamm* dan merungkaikan padanan perkataan yang berkaitan dengannya. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis teks. Al-Qur'an dijadikan sumber premier dalam mengenalpasti lafaz *al-yamm* dalam semua ayat. Data dianalisis secara deskriptif dengan berpandukan pendapat para ilmuan terdahulu berkaitan isu yang dibangkitkan oleh mereka. Hasil kajian mendapati bahawa pengungkapan lafaz *al-yamm* secara *ma^crifah* dalam ayat-ayat al-Qur'an menyerlahkan fungsinya serta padanan perkataan dari konteks ayat. Ia dapat dibuktikan menerusi pemilihan perkataan, *nazm* dan retorik.

Kata Kunci: *al-Yamm*, *al-Ta^crif*, al-Qur'an

ABSTRACT

The sea is one of the proof of the greatness of God Allah. It contains numerous treasures and life water be overflowing sustenance to mankind. In the Qur'an, there are two words mention the sea called al-yamm and al-bahr. It's different with each other according to it's uses in the context of the verses of the Qur'an. Studies related to the word al-yamm has been realised by by most researchers in the past and current. However, it is more related to lingual, semantic, narrative, terminology and interpretation aspects only. The detail on the use of al-ta^crif through the word al-yamm from aspect nazm al-Qur'an and ma^cani in all verses not detailed. Hence, this study aims to detail the use of al-ta^crif through the word al-yamm and explore the compatibility and matching words related with it. This qualitative study underlying the approach of using text

Received: 30 January 2019

Revised: 24 may 2019

Accepted: 17 August 2019

analysis. Al-Qur'an was the main source for identifying and analyzing words al-yamm. The data were analyzed descriptively based on the opinions of previous scholars on the issues raised by them. It is found that the use of the word al-yamm reflects its own function and compatibility of the word in all verses. It can be proven by selection of words, nazm and rhetoric.

Keywords: *al-Yamm, al-Ta'rif, Qur'an*

1.0 PENGENALAN

Laut merupakan salah satu daripada tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Allah yang tiada tolak bandingan. Penciptaan laut di atas muka bumi ini menjadi salah satu punca rezeki yang dilimpahkan kepada manusia dan makhluk yang lain. Dalam masa yang sama, laut menjadi satu daripada azab dan kemusnahan yang dibentangkan kepada manusia. Perincian tentang laut sebagai azab dan kehancuran dibuktikan dalam al-Qur'an menerusi lafaz *al-yamm*.

Secara terminologinya, perkataan *al-yamm* berasal daripada perkataan يَم . *Al-yamm* bererti laut dan ia merujuk kepada laut yang berombak. Perkataan *al-yamm* juga merujuk kepada air yang masin pahit, aliran air besar mengalirkan air tawar. Perkataan *al-yamm* dikatakan berasal daripada bahasa Suryani. Kemudian, ia dimasukkan ke dalam bahasa Arab lalu berubah kata dasarnya menjadi يَم yang bererti terdampar, terlempar (al-Zabidi, 1974). Justeru, dapat dikatakan *al-yamm* ialah laut dan berasal daripada bahasa Suryani. Ia dijadikan sebagai perkataan bahasa Arab ia merupakan perkataan yang tepat menerangkan maksud laut.

Perbincangan tentang *al-yamm* dalam al-Qur'an menjadi satu perbahasan yang telah digarab oleh para ilmuan terdahulu hingga kontemporari. Yaqoob (2014) dalam kajiannya menyebut bahawa lafaz *al-yamm* disebut dalam al-Qur'an sebanyak lapan kali kekerapan dan ia sinonim dengan lafaz *al-bahr*. Manakala Muhammad (2010) pula menyebut bahawa lafaz *al-yamm* diungkapkan dalam al-Qur'an berkisarkan kepada kisah nabi Musa dan kaumnya. Semua lafaz tersebut menunjukkan maksud azab dan kehancuran. Kajian yang hampir sama dilakukan oleh Al-Sa'dun dan al-Tohan (2012) turut menyebut bahawa penggunaan lafaz *al-yamm* menunjukkan gambaran tentang azab yang dahsyat pada kisah Fir'aun.

2.0 NAZM

Dalam kajian ini, teori *nazm* al-Jurjani (471H) dijadikan landasan dan ia disokong oleh teori *ma^ʿani* oleh Lasyin (2009). Penggunaan teori *nazm* al-Jurjani ialah satu alternatif untuk merungkaikan aspek kesesuaian perkataan serta perkaitannya dengan aspek *ma^ʿani* dan nahu. Al-Jurjani (471H) mengemukakan bahawa konsep *nazm* lebih kepada hubungan erat antara perkataan dengan perkataan lain dalam satu ayat. Sifat dinamik antara perkataan dalam sesuatu ayat menyebabkan wujudnya perbezaan makna dari sudut konteks.

Di samping itu, teori al-Jurjani tersebut turut berkait rapat dengan aspek *ma^ʿani* yang menjadi tunggak kepada kajian terhadap *balaghah* dalam al-Qur'an. Ia menyerlahkan aspek lagi kehalusan makna dan ketelitian yang dimaksudkan. Lasyin (2009) menyebut bahawa keindahan *nazm* yang berteraskan pemilihan perkataan yang sesuai, susunan yang bertepatan serta selaras dengan kaedah nahu boleh diserlahkan melalui aspek ilmu *ma^ʿani*.

Tuntasnya, konsep *nazm* dan *ma^ʿani* amat berkati rapat dalam memahami kehalusan sesuatu makna dan penggunaan perkataan dalam al-Qur'an. Ia juga meliputi aspek *al-ta^ʿrif* yang menjadi tajuk utama perbincangan kajian ini.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini lebih mendasari pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis teks. Penelitian difokuskan kepada al-Qur'an sebagai korpus utama dalam mengenalpasti ayat yang mengandungi lafaz *al-yamm*. Rujukan dan sumber lain juga dijadikan sandaran iaitu perkamusan Arab, kajian retorik, tafsir al-Qur'an, kajian linguistik dan tatabahasa Arab. Sebanyak lapan lafaz *al-yamm* yang dikenalpasti dalam al-Qur'an dan ia turut diperkukuhkan lagi berdasarkan kepada beberapa pandangan seperti Muhammad (2010), al-Za^ʿarir (2003) dan Yaqoob (2014).

Pemilihan tersebut turut dibantu dengan *al-Mu^ʿjam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* (2001). Setiap perkataan dalam *mu^ʿjam* ini disusun mengikut susunan huruf bermula dari

huruf Alif hingga Ya'. Dari setiap huruf tersebut, disenaraikan semua ayat al-Qur'an yang mengandungi lafaz *al-yamm* berserta ayat, nama surah dan juzuknya. Aspek terjemahan ayat al-Qur'an adalah berpandukan kepada Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an (2001).

Langkah berikutnya, lafaz *al-yamm* dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Setiap lafaz tersebut digariskan dan ia diklasifikasikan mengikut surah dan ayat. Kemudian, ia dianalisis dari aspek *balaghah* dengan bersandarkan kepada ilmu *balaghah* yang disusun oleh al-Jurjani (471H) yang turut bergantung kepada beberapa perkara antaranya tatabahasa, kajian linguistik dan sasatera Arab dalam memahami konteks *nazm* dan *bayan* al-Qur'an.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dari pemerhatian yang telah dilakukan, lafaz *al-yamm* tertera sebanyak lapan kali kekerapan menerusi variasi ayat dan surah yang berbeza. Semua lafaz tersebut tampil dalam bentuk *ma'rifah* atau *al-ta'rif*: Setiap lafaz tersebut akan dihuraikan mengikut konteks ayat masing-masing seperti berikut:

Jadual 1 Lafaz *al-yamm* dalam surah dan ayat

Kod	Surah	Ayat
1.1	al-A ^c raf	136
1.2	Taha	39
1.3	Taha	39
1.4	Taha	78
1.5	Taha	97
1.6	al-Qasas	7
1.7	al-Qasas	40
1.8	al-Zariyat	40

1) Kod 1.1 (al-A'raf 7: 136)

﴿فَأَغْرَقْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ﴾

Maksudnya:

Lalu Kami menenggelamkan mereka di laut dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sentiasa lalai daripadanya (TPR 2001: 376).

Berdasarkan ayat di atas, lafaz *al-yamm* menggambarkan satu situasi yang dahsyat dan tragis. Penggunaan lafaz tersebut secara *al-ta'rif* memperlihatkan kekuatan laut dalam menghancurkan sesuatu. Dari sudut konteks ayat ini, kekuatan tersebut dapat dilihat melalui kehancuran Fir'aun dan bala tenteranya yang ditenggelamkan oleh laut. Justeru, partikel *al* pada lafaz *al-yamm* tersebut menerangkan bagaimana mereka yang mendustakan nabi mereka ditenggelamkan semuanya tanpa ada sesiapa pun yang terlepas daripada menyelamatkan diri. Oleh itu, fungsi partikel *al* tersebut sepertimana yang dinyatakan oleh al-Tayyar (2104) lebih menunjukkan maksud sesuatu yang ditunjukkan secara menyeluruh (*al-istighraq*).

Dari sudut yang lain, penggunaan kata kerja *أَغْرَقْنَا* mempunyai hubung kait dengan lafaz *al-yamm* yang membawa kepada keserasian terhadap jalinan makna dalam konteks ayat. Kata kerja tersebut berbentuk pola *أَفْعَلَ* menurut al-Hamlawi (1999) bermaksud *al-izalah* (menghapus atau menghilangkan). Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa penambahan huruf alif pada kata kerja tersebut menerangkan keadaan Fir'aun dan semua bala tenteranya bukan sekadar ditenggelamkan sahaja malah dihancurkan dari pandangan mata. Tidak ada sisa-sisa yang tertinggal melainkan kesan-kesan peninggalan mereka seperti alatan tentera dan sebagainya.

2) Kod 1.2 & 1.3 (Taha 20: 39)

﴿أَنْ أَقْدَفِيهِ فِي التَّابُوتِ فَأَقْدِفِيهِ فِي الْيَمِّ فَلْيَلْقِهِ الْيَمُّ بِالسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوِّي وَعَدُوُّهُ﴾

Maksudnya:

Letakkanlah anakmu di dalam peti, kemudian lepaskanlah peti itu ke laut maka biarlah laut itu membawanya terdampar ke pantai supaya dipungut oleh musuhKu dan musuhnya (TPR 2001: 777).

Berpandukan ayat di atas, terdapat dua lafaz *al-yamm* berulang dalam ayat yang sama. Pengungkapan kedua-dua lafaz *al-yamm* secara *ma'rifah* membawa gambaran kemuliaan atau penghormatan (*tafkhim*). Kemuliaan ini satu ilham yang Allah telah berikan kepada si ibu bayi (Musa) supaya melepaskan anaknya ke laut. Ia rencana ilahi yang menjadikan bayi dalam peti disambut oleh musuhnya iaitu Fir'aun. Ini rentetan daripada perintah Fir'aun supaya melaksanakan pembunuhan terhadap semua bayi lelaki kerana akan menentang dan menghancurkan kerajaannya pada satu hari nanti.

Dari aspek yang lain, kedua-dua perkataan *al-yamm* dijalinkan dengan dua kata kerja dalam bentuk *fi'il amr*. Kata kerja pertama ialah *اقذني* yang ditujukan kepada manusia iaitu si ibu kepada bayi (Musa) manakala kata kerja *التقى* pula ditujukan kepada bukan manusia iaitu laut. Penggunaan kata kerja *اقذني* secara *amr* (perintah) dalam konteks ayat adalah bermaksud *al-irshad* (petunjuk) sepertimana yang telah dinyatakan oleh Abu al-^cAdus (2007). Perintah tersebut ialah ilham yang diberikan oleh Allah kepada si ibu bayi (Musa) tersebut supaya melepaskan peti berisi bayi ke laut. Penggunaan kata kerja *التقى* pula ditujukan kepada laut supaya melempakan atau menghanyutkan peti berisi bayi tersebut dengan lembut kerana ini akan membuatkan musuh menjadi tertarik hati untuk mengambil peti tersebut dengan penuh perasaan ingin tahu serta kasih sayang. Sehubungan itu, ia satu kemuliaan dan keagungan Allah yang dipamerkan dalam ayat tersebut menerusi pengungkapan lafaz *al-yamm* serta kata kerja berkaitan menunjukkan strategi dan kebijaksanaan Allah dalam merencanakan kehidupan seorang bayi dari awal hingga menjadi seorang nabi apabila dewasa kelak untuk menghapus kebatilan Fir'aun dan menegakkan kebenaran.

3) Kod 1.4 (Taha 20: 78)

﴿فَأْتَبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِ فَغَشِيَهُمْ مِّنَ الْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ﴾

Maksudnya:

Maka Fir'aun pun mengejar mereka bersama-sama dengan tenteranya, lalu ia dan orang-orangnya diliputi oleh air laut yang menenggelamkan mereka semuanya dengan cara yang sedahsyat-dahsyatnya (TPR 2001: 787).

Dalam ayat ini, penggunaan lafaz *al-yamm* menerangkan satu ancaman menakutkan yang dihadapi oleh Fir'aun dan bala tenteranya. Dalam hal ini, mereka berada di tengah-tengah kawasan laut merah yang terbelah dan dikelilingi oleh lautan tinggi sebagai ancaman menakutkan sebelum mereka ditenggelamkan. Ketinggian laut yang terbelah pula menjadikan mereka tidak mampu untuk mengatasi ketinggian tersebut serta melepaskan diri. Oleh itu, partikel *al* pada lafaz *al-yamm* dalam konteks ayat ini merungkaikan ancaman yang penuh dengan pengakhiran tragis serta tiada pengharapan. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ikkal Zahin (2015), penggunaan lafaz *ism* dalam bentuk *al-ta'rif* antaranya menunjukkan maksud ancaman atau gertakan.

Dari aspek padanan perkataan, kekuatan lafaz *al-yamm* dapat diperhatikan melalui gandingannya dengan kata kerja غَشِيَ dalam ayat. Menurut al-Asfahani (2009), kata kerja غَشِيَ bermaksud sesuatu yang ditutup dengan sesuatu yang lain. Justeru, pengkaji dapat mengatakan bahawa keserasian perkataan yang terbentuk ini menggambarkan keadaan Fir'aun dan bala tenteranya bukan sekadar ditenggelamkan oleh air laut. Malah, mereka juga ditutupi oleh pukulan air laut serta lapisan demi lapisan air laut hingga tenggelam dan lenyap dari pandangan mata. Penggunaan kata kerja ini menyerlahkan kekuatan aspek pengungkapan lafaz *al-yamm* yang bukan hanya berbentuk ancaman memata-mata, bahkan menunjukkan maksud *mubalaghah* dan *al-ta'dhim* sebagai tanda kekuasaan Allah menenggelamkan mereka dengan dahsyat. Situasi yang berlaku ini tiada sesiapa pun mengetahuinya melainkan Allah sahaja.

4) Kod 1.5 (Taha 20: 97)

﴿لَنَحْرِفَنَّهُ ثُمَّ لَنَنْسِفَنَّهُ فِي الْيَمِّ نَسْفًا﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya kami akan membakarnya kemudian kami akan menghancurkan dan menaburkan serbuknya di laut sehingga lenyap (TPR 2001: 793).

Berdasarkan ayat tersebut, penggunaan lafaz *al-yamm* secara *ma'rifah* atau *al-ta'rif* menunjukkan fungsinya sebagai penghancur atau pelarut kepada sesuatu. Dari konteks ayat ini, ia merujuk kepada patung lembu yang telah dibakar sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ashur (1984). Segala sisa serbuk daripada patung lembu tersebut setelah dibakarkan, ia

dihancurkan dan ditabur ke dalam laut menjadi larut dan kemudian hilang lenyap. Tidak ada sedikit saki-baki serbuk yang tertinggal melainkan semuanya lenyap terlarut dalam laut. Maka, *al-yamm* dalam konteks ayat ini menjadi penghapus atau pelarut kepada serbuk patung yang telah dimusnahkan.

Dari sudut padanan perkataan, *al-yamm* digandingkan dengan kata kerja نَسَفَ dan kata terbitan *nasfan*. Al-Zayn (2001) menyebut bahawa kata kerja نَسَفَ bermaksud angin meniup sesuatu yang berbentuk habuk dan menghilangkan. Oleh yang demikian, pengkaji dapat menyatakan bahawa penggunaan kata kerja tersebut dalam ayat menjelaskan serbuk patung yang telah dibakar ditaburkan ke laut. Ada yang hilang lenyap ditiup angin ketika ditaburkan ke laut dan ada yang terlarut dalam laut lalu hilang lenyap. Manakala kata terbitan *nasfan* menunjukkan semua serbuk tersebut ditaburkan ke laut dengan sekali taburan.

5) Kod 1.6 (al-Qasas 28: 7)

﴿...فَإِذَا خِفْتِ عَلَيْهِ فَأَلْقِيهِ فِي الْيَمِّ وَلَا تَخَافِي وَلَا تَحْزَنِي﴾

Maksudnya:

Jika engkau takutkan sesuatu bahaya mengenainya (dari angkara Fir'aun), maka (letakkanlah dia di dalam peti dan) lepaskanlah dia ke laut dan janganlah engkau merasa bimbang dan jangan pula berdukacita (TPR 2001: 1002).

Dalam konteks ayat ini, pengungkapan lafaz *al-yamm* dalam bentuk *ma'rifah* atau *al-ta'rif* menunjukkan fungsi sebagai *al-ta'dhim* (kehebatan atau keagungan). Kehebatan yang tertera di sini merujuk kepada kehebatan Allah menggerakkan laut untuk membawa peti yang berisi bayi (Musa). Penghanyutan peti yang berisi bayi tersebut menjadikan hati si ibu kepada bayi tersebut redha dan menerima ketentuan Allah.

Dari sudut keserasian perkataan pula, *al-yamm* digandingkan dengan kata kerja أَلْقَى dalam bentuk *al-amr* (perintah). Jika dilihat konsep sebenar perkataan أَلْقَى menurut sarjana bahasa, ia satu perbuatan melempar atau mencampak sesuatu dengan lembut serta tidak secara keras. Apabila direnungkan dan diamati konteks ayat Al-Qur'an ini, ia jelas bukan

menggambarkan satu perintah yang keras sepertimana difahami dengan pemahaman biasa. Penggunaan kata kerja tersebut pada zahirnya tampak seperti suruhan atau perintah namun di sebaliknya ialah mencernakan satu petunjuk Allah kepada ibu bayi (Musa) tersebut. Petunjuk tersebut adalah datang dari Allah kepada si ibu bayi tersebut supaya dia menghanyutkan bayi dengan hati yang tenang. Di sebalik petunjuk ini juga ia satu jaminan Allah kepada si ibu tersebut supaya tidak bimbang dan berdukacita.

6) Kod 1.7 (al-Qasas 28: 40) & Kod 10.8 (al-Zariyat 51: 40)

﴿فَأَخَذْنَاَهُ وَجُنُودَهُ فَنَبَذْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ...﴾

Maksudnya:

Dengan sebab itu Kami mengepungnya bersama-sama tenteranya serta Kami hancurkan mereka ke dalam laut (TPR 2001: 1013).

Pengungkapan lafaz *al-yamm* dalam ayat ini menunjukkan fungsi sebagai *al-ahd al-zikr*. Apabila berbincangkan tentang kemuncak kehancuran Fir'aun dan bala tenteranya, ia merujuk kepada laut merah sebagaimana yang telah dibuktikan oleh penemuan-penemuan sains dan pengkaji terkini. Malah, ia juga telah dinyatakan dalam firmanNya menerusi surah al-Baqarah 2: 50:

﴿وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمُ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ﴾

Maksudnya:

Dan ketika Kami belahkan laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Fir'aun), maka Kami selamatkan kamu dari Kami tenggelamkan Fir'aun bersama-sama tenteranya sedang kamu semua menyaksikannya (TPR 2001: 22).

Partikel *al* juga membawa maksud *istighraq* dan ia dapat dilihat menerusi keadaan yang menimpa Firaun dan tenteranya. Sebagaimana yang telah dihuraikan oleh al-Zuhaili (2009), Allah menghancurkan Fir'aun bersama tenteranya dalam laut dan ketika mereka dikelilingi laut tersebut, mereka tidak berpeluang untuk lari dan melepaskan diri. Semua ditenggelamkan oleh Allah dan tiada seorang pun yang tertinggal.

Dari sudut yang lain, *al-yamm* dipadankan dengan kata kerja **نَبَذْنَا** yang membawa maksud kami hancurkan atau kami campakkan. Dalam hal ini, ia menggambarkan bahawa bagaimana Fir'aun dan bala tenteranya berada di tengah-tengah laut serta tersepit daripada melarikan diri. Keadaan ini memperlihatkan bahawa mereka berada di tengah lautan yang terbelah dan jarak untuk mereka melarikan diri keluar semula dari tempat itu ke kawasan tanah di tebing laut ialah jauh. Ini menunjukkan keadaan mereka pada ketika itu yang telah dikepung oleh jarak yang jauh dan laut sekeliling. Justeru, perkataan **نَبَذْنَا** ini menerangkan bagaimana mereka dihumban ke laut tersebut tanpa menghiraukan perasaan dan penyesalan mereka ketika itu.

5.0 KESIMPULAN

Dalam kajian ini, pengungkapan lafaz *al-yamm* dalam al-Qur'an dapat dilihat menerusi aspek *nazm* dan *ma'ani* yang turut merangkumi aspek *al-ta'rif*. Setiap pengungkapan lafaz tersebut merungkaikan maksud atau fungsinya yang dapat dicungkil menerusi konteks ayat. Daripada konteks ayat, lafaz *al-yamm* hanya digunakan kepada Nabi Musa dan kaumnya sahaja dan ia tidak digunakan kepada nabi lain dalam al-Qur'an. Ia lebih kepada kehancuran, azab dan kemusnahan. Keserasian atau padanan bagi pemilihan perkataan dengan *al-yamm* dalam ayat merungkaikan konteks dan situasi yang berlaku serta kehalusan makna.

Daripada konteks padanan perkataan, setiap ayat yang telah dikupas memperlihatkan padanan perkataan yang terjalin dengan lafaz *al-yamm*. Ia bertujuan untuk mengukuhkan lagi struktur *bayan* al-Qur'an dan gambaran mesej yang tersirat di sebalik ayat. Setiap perkataan yang terjalin tersebut mengandungi kekuatan dan nilai estetikanya yang halus yang boleh membawa pembaca kepada menghayati serta mengamati *bayan* dan *i'jaz* di sebalik *al-yamm* dalam al-Qur'an.

RUJUKAN

Al-Qur'an

- Abu al-Adus, Yusuf. 2007. *Madkhal ila al-Balaghah al-Arabiyyah*. Amman: Dar al-Masirah.
- °Ashur, Muhammad al-Tahir. 1984. *al-Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. al-Tunisiyyah: Dar al-Tunisiyyah.
- al-Asfahani, Abi al-Qasim bin al-Husayn bin Muhammad al-Raghib. 2009. *al-Mufradat fi Gharib Alfaz al-Qur'an*. Maktabah Nazar al-Mustafa al-Baz.
- al-Baqi, Muhammad Fu'ad Abd. 2001. *al-Mu'jam al-Mufahras li alfaz al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Matba'ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- al-Hamlawi, al-Shaikh Ahmad. 1999. *Shadha al-'Arf fi Fanni al-Sorf*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ikbal Zahin bin Mohamed. 2015. Analisis Ta'rif dan Tankir Dari Perspektif Ilmu Ma'ani Dalam Surah al-Ahzab. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-Jurjani, °Abd al-Qahir (471H). 2007. *Dala'il al-I'jaz*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyat.
- Lasyin, °Abd al-Fattah. 2009. *al-Ma'ani fi Daw' Asalib al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Fikr al-°Arabi.
- Muhammad, Salah al-Din Salim. 2010. Lafz al-Ma' wa ma Yadullu 'Alayhi fi Nusus min al-Tanzil. *Majallat Abhath Kuliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah* 9(4): 279-297.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- al-Sa°dun, Nabhan Hasun & Yusuf Sulaiman al-Tohan. 2012. Masyahid min Qissah Musa °Alaih al-Salam fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Uslubiyah. *Majallah Kulliyah Ulum al-Islamiyyah* 6(12): 1-39.
- al-Tayyar, Razaq Abd al-Amir Mahdi. 2014. Alim Lam Anwa'uha wa Isti'malatuha Dirasah Muwazanah Bayna al-Qur'an al-Karim wa al-Shi'r al-Jahili. *Majallah al-Kufah* 2(19): 1-35.
- Yaaqob, Luay Hatem. 2014. al-Dilalat al-Lughawiyah li al-Ma' fi al-Nas al-Qur'ani Dirasah Balaghiyyah. *Anemon MSU Sosial Bilimler Dergisi* 2(2): 43-62.
- al-Za°arir, Ghalib Muhammad Raja. 2003. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim*. Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Zaman.
- al-Zabidi, Muhammad Murtada al-Husayni. 1974. *Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus*. al-Kuwayt.
- al-Zuhaili, Wahbah. 2009. *Tafsir al-Munir fi al-Akidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Zayn, Samih °Atif. 2001. *Mu'jam Tafsir Mufradat Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Banani.